



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2007

---

#### **PERTUKARAN PELANTIKAN PEGAWAI BUKAN TENTERA DI AKADEMI TENTERA MALAYSIA KE UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan pertukaran pelantikan pegawai bukan tentera di Akademi Tentera Malaysia (ATMA) berikutan keputusan Kerajaan menubuhkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan menaikkan taraf ATMA. Ianya mengandungi prinsip pelaksanaan, pemberian opsyen, penetapan gaji pertukaran pelantikan dan syarat-syarat pertukaran pelantikan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan penubuhan UPNM dengan cara menaikkan taraf ATMA kepada sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf universiti. Selaras dengan keputusan Kerajaan tersebut, pegawai bukan tentera yang sedang berkhidmat di ATMA akan ditawarkan pertukaran pelantikan ke UPNM.

## **PRINSIP PELAKSANAAN**

3. Prinsip pelaksanaan pertukaran pelantikan ini adalah berasaskan kepada Panduan Pertukaran Pelantikan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002.
4. Prinsip-prinsip penting dalam melaksanakan pertukaran pelantikan ini adalah seperti berikut:
  - (i) pegawai yang layak ditawarkan pertukaran pelantikan melalui opsyen ini terdiri daripada **pegawai bukan tentera lantikan tetap yang berkhidmat dengan ATMA** termasuk mereka yang dalam tempoh percubaan serta memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia. Pegawai hendaklah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) termasuk melalui penurunan kuasa oleh SPA kepada Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) atau dilantik oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
  - (ii) pegawai akan ditawarkan opsyen sama ada bersetuju atau tidak bersetuju untuk **ditukar lantik ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama** di UPNM;
  - (iii) tempoh opsyen yang diberi kepada setiap pegawai adalah **selama 30 hari** mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Pilihan yang dibuat oleh pegawai adalah **muktamad**;
  - (iv) pegawai yang **tidak bersetuju** dengan tawaran opsyen pertukaran pelantikan ini akan dibersarakan bagi pegawai berpencen atau ditamatkan perkhidmatan bagi pegawai yang bukan pegawai berpencen (termasuk yang belum disahkan dalam perkhidmatan).

- (v) pegawai yang telah dibersarakan atau ditamatkan perkhidmatan seperti di perenggan 5(iv) **tidak boleh dilantik semula** oleh mana-mana agensi Kerajaan; dan
- (vi) tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ini pada **1 Februari 2007**.

5. Pegawai yang dilantik secara sementara, kontrak atau sambilan tidak layak ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ini dan pelantikan mereka hendaklah ditamatkan. Pegawai ini boleh dilantik semula tertakluk kepada keperluan UPNM.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

- 6. UPNM hendaklah menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada semua pegawai bukan tentera di ATMA yang layak mengikut contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan di **Lampiran A** bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.
- 7. Tempoh opsyen adalah 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama di UPNM.
- 8. Opsyen pertukaran pelantikan yang dibuat oleh pegawai adalah **muktamad**.
- 9. Pegawai yang tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan **tanpa sebab yang munasabah** akan dianggap sebagai menolak tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke UPNM. Pegawai berkenaan akan dibersarakan atau ditamatkan perkhidmatan.

10. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai bukan tentera di ATMA yang berada dalam keadaan berikut:

- (i) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (ii) sedang bercuti;
- (iii) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (iv) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (v) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

11. Pegawai bukan tentera di ATMA yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

12. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan notis persetujuan penamatan perkhidmatan adalah seperti berikut:

**Lampiran A** – Surat Tawaran Opsyen

**Lampiran B** – Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan

**Lampiran C** – Borang Opsyen

**Lampiran D** – Notis Persetujuan Penamatan Perkhidmatan

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

13. Penetapan gaji permulaan bagi **pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan** di jawatan asal adalah berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) jawatan baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.
14. Penetapan gaji permulaan bagi **pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan** di jawatan asal adalah berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di P2 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang telah ditetapkan.
15. Sekiranya matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas seperti mana kaedah penetapan gaji di perenggan 13 dan 14, maka Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.
16. Contoh-contoh kaedah penetapan gaji adalah seperti di **Lampiran E1, E2, E3, E4 dan E5**.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

17. Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai berkenaan pada 1 April 2007, 1 Julai 2007 atau 1 Oktober 2007 hendaklah

diberi di jawatan asal pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan iaitu pada 1 Februari 2007 sebelum ditetapkan gaji pertukaran pelantikan pegawai di jawatan baru. PGT di jawatan asal akan ditentukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia KEMENTERAH.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

18. TPG asal bagi pegawai bukan tentera di ATMA yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas kuat kuasa pertukaran pelantikan. TPG baru itu ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

19. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama di UPNM akan terus layak menerima elaun dan kemudahan yang diperuntukkan dalam perkhidmatan awam berdasarkan syarat yang ditetapkan.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

20. Bagi melaksanakan pertukaran pelantikan ini, Pihak Berkuasa Melantik (PBM) UPNM, ATMA dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

(i) **ATMA**

(a) mengedarkan surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama kepada pegawai bukan tentera di ATMA mengikut contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen dan notis persetujuan penamatan perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A, B, C dan D;**

- (b) memberi penjelasan secara terperinci mengenai opsyen kepada pegawai terlibat dan implikasi keputusan atau pemilihan yang dibuat; dan
  - (c) menerima kertas opsyen yang telah dilengkapkan oleh pegawai dan memanjangkan kepada PBM UPNM.
- (ii) **PBM UPNM**
- (a) menyediakan syarat-syarat pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai bukan tentera di ATMA;
  - (b) mengeluarkan surat pelantikan kepada pegawai yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama di UPNM; dan
  - (c) melantik pegawai yang telah menerima opsyen untuk ditukar lantik mengikut skim perkhidmatan dan gred jawatan masing-masing di UPNM.
- (iii) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (a) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ATMA untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (b) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh PBM UPNM dan satu (1) salinan

lagi untuk pegawai berkenaan; dan

- (c) membuat pilihan sama ada menerima atau menolak opsyen tawaran ini dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.


### **KEKECUALIAN**

21. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

### **TARIKH KUAT KUASA**

22. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya urusan pertukaran pelantikan ini selesai.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



( TAN SRI ISMAIL ADAM )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

Tarikh: 28 FEBRUARI 2007

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

## **LAMPIRAN A**

### **SURAT TAWARAN OPSYEN**

Pihak Berkuasa Melantik UPNM

.....  
.....  
.....

---

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat : .....

.....  
.....  
.....

(Alamat Tempat Bertugas)

Tuan/Puan,

#### **TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN ..... DI AKADEMI TENTERA MALAYSIA (ATMA) KE SKIM PERKHIDMATAN ..... DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) MELALUI OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menubuhkan UPNM dengan cara menaikkan taraf ATMA sebagai institusi pengajian tinggi bertaraf universiti. Berikutnya dengan itu jawatan yang sedang tuan/ puan sandang sekarang dimansuhkan. Dengan itu, tuan/ puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan ..... di bawah Klasifikasi Perkhidmatan ..... di UPNM dengan **gaji RM..... (P.....T.....)** atas **Gred .....** mulai **1 Februari 2007.**

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di **Lampiran B**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada bersetuju menerima atau tidak bersetuju tawaran pertukaran pelantikan ini dengan mengisi borang yang berkaitan. Jawapan tuan/ puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada .....

**2.1 Bersetuju Menerima Tawaran:**

Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen Lampiran C.**

**2.2 Tidak Bersetuju Menerima Tawaran :**

- (i) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b)(i) dalam Borang Opsyen Lampiran C.** Jika tuan/ puan bertaraf berpencen, tuan/ puan akan dibersaraskan di bawah Seksyen 10(5)(b) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun & Tempatan 1980 (Akta 239).
  
- (ii) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b)(ii) dalam Borang Opsyen Lampiran C.** Jika tuan/ puan berada dalam skim KWSP, tuan/ puan akan dibersaraskan di bawah Seksyen 6A(6) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan ATMA dengan melengkapkan **Lampiran D.**

- (iii) Menandakan ( ✓ ) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b)(iii) dalam Borang Opsyen Lampiran C**. Jika tuan/ puan bukan pegawai bertaraf berpencen (termasuk yang belum disahkan dalam perkhidmatan) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan ATMA dengan melengkapkan **Lampiran D**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
**Pihak Berkuasa Melantik UPNM**

## **LAMPIRAN B**

### **SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN**

- |  |  |
|--|--|
| 1. Kerajaan telah bersetuju menubuhkan UPNM dengan cara <b>OPSYEN</b> menaikkan taraf ATMA sebagai institusi pengajian tinggi bertaraf universiti. Berikutnya itu jawatan yang sedang tuan/ puan sandang sekarang dimansuhkan. Sehubungan itu tuan/ puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke UPNM atau sebaliknya. Jika tuan/ puan tidak bersetuju untuk ditukar lantik, tuan/ puan akan dibersarkan/ ditamatkan perkhidmatan. Opsyen ini adalah <b>muktamad</b> .             |  |
| 2 Tempoh opsyen yang diberikan kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan dan akan dibersarkan/ ditamatkan perkhidmatan. | <b>TEMPOH<br/>MEMBUAT<br/>OPSYEN</b>                 |
| 3. Tuan/ puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan dan gred jawatan yang sama dengan skim perkhidmatan dan gred jawatan asal.  | <b>SKIM<br/>PERKHIDMATAN<br/>YANG<br/>DITAWARKAN</b> |

- |  |   |
|--|---|
| <p>4. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan yang tuan/ puan ditukar lantik.</p> <p>5. Tuan/ puan akan ditawarkan gaji permulaan pertukaran pelantikan <b>berdasarkan prinsip</b> berikut:</p> | <p><b>PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU</b></p> <p><b>GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN</b></p> |
|--|---|
- (a) Pegawai telah **disahkan** dalam perkhidmatan
- Pegawai hendaklah ditawarkan gaji berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji di gred jawatan asal mengikut Peringkat (P) jawatan baru yang jumlahnya tidak kurang satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut P jawatan baru tidak dapat menampung gaji yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di P berikutnya
- (b) Pegawai **belum disahkan** dalam perkhidmatan
- Pegawai hendaklah ditawarkan gaji berdasarkan prinsip matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) jawatan baru. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di P2 jawatan baru

	tidak dapat menampung gaji yang ditetapkan.	
(c)	Sekiranya matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, maka Jadual Gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.	
6.	Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) di jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/ puan pada 1 April 2007, 1 Julai 2007 atau 1 Oktober 2007 hendaklah diberi di jawatan asal pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan iaitu pada 1 Februari 2007 sebelum ditetapkan gaji pertukaran pelantikan tuan/ puan di jawatan baru. PGT di jawatan asal akan ditentukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian Pertahanan Malaysia mengikut mana yang berkenaan.	<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>
7.	Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/ puan berubah kepada satu tarikh baru pada tarikh berikutnya selepas berkuat kuasanya pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.	<b>TARIKH PERGERAKAN GAJI</b>
8.	Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan jawatan asal atau tuan/ puan ditukar lantik ke gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam	<b>TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN</b>

perkhidmatan jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

- |  |  |
|--|--|
| 9. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan jawatan asal, tuan/ puan dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. | <b>TEMPOH<br/>PERCUBAAN BAGI<br/>PEGAWAI YANG<br/>BELUM DISAHKAN</b> |
| 10. Kekananan tuan/ puan adalah tidak berubah.   | <b>KEKANANAN</b>   |
| 11. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim KWSP semasa disahkan dalam perkhidmatan jawatan baru.   | <b>OPSYEN SKIM<br/>KWSP</b>  |
| 12. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.  | <b>TARAF<br/>BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>                            |
| 13. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award tunai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.   | <b>CUTI REHAT</b>  |

14. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana **PENEMPATAN** jua sepetimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
15. Ketua Perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi **KETUA PERKHIDMATAN** perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.
16. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa di agensi penerima. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
17. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
18. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Februari 2007**. **TARIKH KUATKUASA**
19. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan jawatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

## **LAMPIRAN C**

### **BORANG OPSYEN**

---

Fail Rujukan:

Tarikh :

Kepada:

Pihak Berkuasa Melantik UPNM

.....  
.....

Tuan:

#### **TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI SKIM PERKHIDMATAN ..... DI AKADEMI TENTERA MALAYSIA (ATMA) KE SKIM PERKHIDMATAN ..... DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM) MELALUI OPSYEN**

Berhubung dengan surat tuan bil. .... bertarikh .....  
mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti di bawah:-

- \*(a)  **Bersetuju menerima pertukaran pelantikan** dari skim perkhidmatan ..... di ATMA di bawah Klasifikasi Perkhidmatan ..... ke skim perkhidmatan .....di UPNM dengan menerima gaji sebanyak RM .....(P...T...) sebulan atas Gred ..... dengan syarat-syarat yang dinyatakan di **Lampiran B** pada surat tawaran tuan;

**ATAU**

\* (b) **Tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan di atas, implikasinya seperti berikut:**

- (i) Sekiranya pegawai berpencen dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(b) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Seksyen 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239)

**ATAU**

- (ii) Sekiranya pegawai berada dalam skim KWSP dibersarakan di bawah seksyen 6A(6) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan seterusnya dikehendaki mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan ATMA dengan melengkapkan **Lampiran D.**

**ATAU**

- (iii) Sekiranya bukan pegawai bertaraf pencen (termasuk yang belum disahkan dalam perkhidmatan) ditamatkan perkhidmatan dengan mengemukakan notis persetujuan penamatan perkhidmatan dengan ATMA seperti di **Lampiran D** dengan dikecualikan bayaran sebulan gaji walaupun tempoh notis yang diberi tidak mencukupi.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi opsyen ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan: .....

Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Jawatan: .....

Alamat: .....

Tarikh: .....

Di hadapan:

SAKSI\*\*

(Tandatangan Dan Cap Jawatan)

Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Jawatan: .....

Alamat: .....

.....

Tarikh: .....

- 
- \* Tandakan (/) dalam salah satu petak yang berkenaan.
  - \*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

## **LAMPIRAN D**

Kepada:

Pihak Berkuasa Melantik ATMA

.....  
.....

Tuan:

### **Notis Persetujuan Penamatan Perkhidmatan**

Saya dengan ini memberi Notis Persetujuan Penamatan Perkhidmatan kepada ATMA berikut dengan pembubarannya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2007. Notis ini akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama dengan tarikh pembubaran ATMA dan sekiranya tempoh notis yang ditetapkan tidak dipenuhi, ATMA bersetuju bayaran sebulan gaji sebagai ganti notis dikecualikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan: .....

Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Jawatan: .....

Alamat: .....

.....  
Tarikh: .....

## LAMPIRAN E1

### KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Gred N27 Mengikut Peringkat (P) Gaji Gred Asal.

**Tarikh Kuat Kuasa:**

**1 Februari 2007**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal:**

**1 Oktober**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N27 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred N27 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.1.2007	1389.56 (P1T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.2.2007	1442.80 (P1T10)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal (1 Oktober) Diberi Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan.
1.2.2007	1442.80 (P1T10)	1496.04 (P1T11)	Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.1.2008	-	1549.28 (P1T12)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

## **LAMPIRAN E2**

### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN PENSYARAH GRED DS45 YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pensyarah Gred DS45 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Gred DS45 Mengikut Peringkat (P) Gaji Gred Asal.

**Tarikh Kuat Kuasa:**

**1 Februari 2007**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal:**

**1 Januari**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred DS45 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred DS45 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.1.2007	2533.40 (P1T5)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.2.2007	2533.40 (P1T5)	2613.26 (P1T6)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.1.2008	-	2746.36 (P1T7)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

**Catatan:**

**PPSM:** Panel Pembangunan Sumber Manusia

**TPG:** Tarikh Pergerakan Gaji

**LAMPIRAN E3**

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Gred W22 Mengikut Peringkat (P) Gaji Gred Asal.

**Tarikh Kuat Kuasa:**

**1 Februari 2007**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal:**

**1 April**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred W22 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred W22 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.1.2007	1957.05 (P1T8)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.2.2007	2035.70 (P1T9)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal (1 April) Diberi Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan.
1.2.2007	2035.70 (P1T9)	2114.35 (P1T10)	Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.1.2008	-	2193.00 (P1T11)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

**LAMPIRAN E4**

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
JURUTEKNIK GRED J17  
YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Juruteknik Gred J17 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Juruteknik Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred J17.

**Tarikh Kuat Kuasa:** **1 Februari 2007**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal:** **1 Oktober**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred J17 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred J17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.1.2007	1003.57 (P1T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.2.2007	1044.71 (P1T10)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal (1 Oktober) Diberi Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan.
1.2.2007	1044.71 (P1T10)	1085.85 (P1T11)	Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.1.2008	-	1126.99 (P1T12)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

## **LAMPIRAN E5**

### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N17 YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) Gred N17 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausaha) Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred N17.

**Tarikh Kuat Kuasa:**

**1 Februari 2007**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal:**

**1 Januari**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N17 (RM)</b>	<b>Gaji Baru Gred N17 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
31.1.2007	696.23 (P1T2)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
1.2.2007	696.23 (P1T2)	736.16 (P1T3)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.1.2008	-	776.09 (P1T4)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji